



**JAWAPAN/MAKLUMBALAS BAGI SOALAN-SOALAN LAZIM  
URUSAN PEMEROLEHAN BAKAT**

**A. KAEDAH PERMOHONAN**

**1. Bagaimanakah untuk memohon jawatan dalam LHDNM?**

Permohonan untuk memasuki perkhidmatan LHDNM boleh dibuat sepanjang tahun secara *online* melalui capaian <https://kerjaya.hasil.gov.my>

**2. Bagaimana untuk mengakses laman web tersebut?**

Boleh diakses dari mana-mana sahaja komputer dan telefon pintar yang mempunyai kemudahan internet.

**3. Bolehkah saya menghantar biodata/maklumat peribadi (resume) untuk memohon jawatan secara manual?**

Pemohon hendaklah membuat permohonan dengan mengisi borang secara *on line* seperti yang diterangkan pada **Soalan 1**. Pihak LHDNM tidak menerima permohonan secara manual.

**4. Bagaimana cara untuk mengisi borang permohonan *online*?**

Pemohon dinasihatkan untuk membaca manual pengguna terlebih dahulu sebelum memohon jawatan yang ditawarkan. Manual pengguna boleh dimuat turun pada ruangan **Pelbagai** di dalam sistem permohonan kerja.

**5. Apakah tindakan yang perlu saya lakukan sekiranya saya menghadapi masalah berkaitan sistem dan tidak boleh mengisi borang *on-line*?**

Pemohon boleh mengemukakan sebarang persoalan berkenaan masalah yang dihadapi ke email [kerjaya@hasil.gov.my](mailto:kerjaya@hasil.gov.my) untuk diambil tindakan.

**6. Perlukah saya membuat pendaftaran akaun permohonan saya sebelum memohon jawatan yang diiklankan?**

Setiap pemohon dikehendaki membuka akaun dengan mendaftar maklumat peribadi yang diperlukan. Pendaftaran baru ini hanya diperlukan sekali sahaja untuk pertama kali memohon jawatan di LHDNM.

**7. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya sistem terlalu lambat dan tidak boleh diakses?**

Pemohon disarankan untuk mengisi borang *online* ketika **bukan** waktu puncak kerana berkemungkinan laman tersebut diakses oleh ramai pengguna pada waktu puncak.

**8. Berapa permohonan jawatan yang boleh saya mohon melalui sistem?**

Pemohon boleh memohon sehingga lapan (8) jawatan berdasarkan kelayakan minimum jawatan yang ditetapkan.

**9. Sekiranya saya masih belum dipanggil temu duga, adakah permohonan jawatan saya masih aktif?**

Permohonan jawatan diklasifikasikan sebagai aktif dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh permohonan. Pemohon perlu mengemaskini semula permohonan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tamat tempoh setahun supaya permohonan tersebut kekal aktif. Sekiranya pemohon tidak mengemaskini permohonan sehingga tamat tempoh satu (1) tahun, maklumat permohonan tersebut akan diklasifikasikan sebagai tidak aktif dan permohonan jawatan tersebut secara automatik dikeluarkan.

- 10. Sebelum ini saya telah memohon jawatan sebagai Pembantu Hasil menggunakan kelayakan SPM saya. Saya telah melengkapkan pengajian diploma dan telah dianugerahkan sijil diploma. Apa yang perlu saya lakukan untuk memohon jawatan berdasarkan sijil yang saya miliki.**

Pemohon boleh mengemaskini permohonan jawatan selagi tidak melebihi lapan (8) permohonan jawatan. Sekiranya pemohon telah memohon lapan (8) jawatan, pemohon boleh menggugurkan jawatan yang dipohon bagi mengemaskini jawatan yang baharu.

## **B. TERLUPA KATA LALUAN**

- 1. Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya saya terlupa kata laluan?**

Pengemaskinian maklumat kata laluan boleh dilakukan dengan menekan butang “Lupa Katalaluan” pada sistem “Portal Kerjaya LHDNM” sekiranya pemohon terlupa kata laluan.

**C. SYARAT PERMOHONAN**

- 1. Saya merupakan Pegawai Tetap LHDNM. Adakah terdapat syarat-syarat tertentu sebelum saya memohon jawatan?**

Pemohon perlu memenuhi syarat iaitu telah mencapai tempoh tiga (3) tahun dari tarikh disahkan dalam jawatan lantikan sebelum memohon jawatan dalam Portal Kerjaya.

- 2. Adakah semua institusi pengajian tinggi diiktiraf kelayakannya untuk dilantik ke LHDNM ?**

Tidak semua institusi pengajian tinggi (IPT), sama ada di dalam atau di luar negara diiktiraf oleh Kerajaan. Oleh itu mereka yang ingin berkhidmat dengan LHDNM perlu memastikan IPT dan kelayakan yang pemohon perolehi diiktiraf oleh Kerajaan. Senarai IPTS dan bidang pengajian yang diiktiraf ada dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Semakan kelayakan boleh dibuat melalui laman web eSisraf : Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam MQA  
<https://www2.mqa.gov.my/esisraf/>

- 3. Bagaimana saya ingin mengetahui berkenaan syarat-syarat jawatan yang boleh dipohon?**

Maklumat jawatan-jawatan di LHDNM dan syarat kelayakan boleh diperolehi pada ruang **Panduan** di sebelah atas kanan Portal Kerjaya LHDNM

**D. MAKLUMAT AM**

**1. Bagaimanakah untuk mengetahui maklumat lanjut berhubung sesuatu iklan?**

Calon boleh merujuk portal rasmi LHDNM [http://www.hasil.gov.my.\(Kerjaya/Career\)](http://www.hasil.gov.my.(Kerjaya/Career)) untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci.

**2. Bolehkah pegawai kontrak LHDNM dilantik atau diserap terus ke Perkhidmatan LHDNM?**

Pemilihan adalah tertakluk kepada prosedur dan peraturan yang sama seperti yang dikenakan kepada pemohon-pemohon lain. Ini bermakna mereka tidak akan diserap secara automatik dan perlu melalui proses yang sama seperti pemohon yang lain.

**3. Adakah pengalaman bekerja diambil kira?**

Pengalaman kerja akan diambil kira sebagai maklumat tambahan untuk nilai tambah bagi permohonan jawatan. Walau bagaimanapun, pengalaman kerja tidak diambil kira dalam penetapan gaji untuk memasuki LHDNM.

**E. TEMU DUGA**

**1. Apakah persediaan yang perlu saya buat untuk menghadiri temu duga?**

Pastikan semua dokumen asal\* yang diminta di dalam surat panggilan temu duga dibawa bersama. Hanya **sijil asal** yang akan diterima dan **maklumat mestilah sama seperti yang dikemukakan di dalam borang *on line***; dan

- (a) Pastikan kod etika pakaian dipatuhi.
- (b) Lengkapkan diri dengan pengetahuan am, maklumat berkaitan LHDNM, isu semasa dan lain-lain yang berkaitan.

**\*Calon yang gagal mengemukakan sijil asal tidak akan ditemu duga.**

**2. Bagaimana untuk mengetahui berkenaan panggilan temu duga atau keputusan temu duga?**

Panggilan atau keputusan temu duga boleh disemak melalui Portal Kerjaya LHDNM pada ruangan status ataupun pada ruangan semakan keputusan menggunakan nombor kad pengenalan.